

Mahathir yakin pimpinan menerusi teladan

BH 13 SEP 1987

KUALA LUMPUR, Ahad — Kepimpinan menerusi tauladanlah yang mendorong Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memotong gaji beliau dan Menteri-menterinya dengan harapan rakyat sedar betapa perlunya berjimat cermat.

Begitu juga dengan larangan menghisap rokok, memakai tanda nama dan beberapa peraturan lain bertujuan memberi contoh kepada rakyat menauladannya demi kebaikan mereka sendiri.

Menurut Perdana Menteri, pemotongan gajinya sebanyak \$1,000 sebulan memanglah kecil, tetapi apa yang penting ialah beliau mahu menunjukkan contoh kepada rakyat.

"Begitu juga kita suruh Menteri memakai tanda nama masing-masing. Bukannya ada apa-apa tetapi kalau kita mahu orang lain berbuat demikian kita mestilah memulakannya dahulu," ujarnya.

Mengenai pemotongan gaji ini, Perdana Menteri berkata, ia dilakukan dengan ikhlas sejajar dengan dasar berjimat kerajaan.

Perwakilan dari Johor sebelum ini telah menimbulkan masalah itu dan beliau berpendapat langkah itu melucukan kerana para Menteri di Singapura telah dinaikkan gaji.

"Inilah susahnyanya, apa yang kita buat semuanya salah. Kita naik gaji pun salah, kita potong gaji pun salah. Jadi semua yang kita buat nampaknya salah.

"Jadi tuan-tuan semua setuju kalau saya cadangkan supaya gaji Menteri dinaikkan \$30,000 sebulan seperti di Singapura," tanya Datuk Seri Dr. Mahathir secara

berseloroh disambut gelak ketawa perwakilan.

Perdana Menteri menekankan, apa yang dilakukan oleh kerajaan sekarang cuma untuk menunjukkan contoh-contoh kerana, "saya percaya kepada kepimpinan menerusi tauladan".

Menyentuh dasar 'Pandang ke Timur', Perdana Menteri sekali lagi menegaskan perlunya rakyat menauladani cara rakyat Jepun bekerja.

Beliau memberi contoh bagaimana bersih dan tertibnya pekerja di sebuah restoran Jepun di mana kesemua pekerjaanya dikehendaki memotong rambut bagi mengelakkan terjatuh ke dalam makanan.

Rambut

"Tapi terdapat beliau kita apabila disuruh potong rambutnya, terus meninggalkan pekerjaan itu. Ini menunjukkan mereka lebih pentingkan rambut dari pekerjaan, oleh itu tidak hairanlah jika mereka menganggur.

"Baru-baru ini juga, sempena perayaan kemerdekaan, beberapa pekerja di restoran usaha-saha Fima-Jepun meminta cuti untuk melihat perayaan. Mereka rela meninggalkan kerja semata-mata untuk melihat perayaan," tegasnya.

Mengenai dasar ini juga, Datuk Seri Dr. Mahathir menjelaskan, syarikat-syarikat Jepun yang mengendalikan projek di sini bersetuju melatih pekerja Bumiputera. Umpamanya seperti di projek Dayabumi dan juga beberapa projek di Johor.

"Bagaimanapun yang menyedilkan ialah sedikit benar mereka yang berminat untuk dilatih," tambah beliau.